

IMPAK EPP4: PENINGKATAN KADAR PERAHAN MINYAK SAWIT



Rajah 1. Penolong Pegawai Penguatkuasa bergambar kenangan sempena Mesyuarat Penyelarasan Penempatan Penolong Pegawai Penguatkuasa (NKEA) di Kilang Buah Sawit di Temerloh, Pahang.

KANDUNGAN

- IMPAK EPP4: Peningkatan Kadar Perahan Minyak Sawit 1
- Dari Meja Ketua Penyunting 2
- Sudut Teknologi - *Kajian Penggunaan Bakteria sebagai Agen Kawalan Biologi terhadap Penyakit Ganoderma Sawit* 4
- Kenalilah...
Serbuk Pseudomonas GanoEB3 6
- Kuiz Sawit 7
- Sudut Kreatif Sawit 8
- Sembang Sawit 8
- Sedutan Akhbar 9
- Tahukah Anda? 11
- Diari & Peristiwa 13
- Profil Komoditi 14
- Berita Bergambar 16
- Peladang Jaya 18
- Direktori MPOB 20
- Senarai Tapak Semaian yang Mendapat Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian (OPNCC) 24



Keyakinan kerajaan terhadap potensi industri sawit negara menyumbang kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) telah menjadikannya salah satu daripada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). NKEA merupakan sebahagian daripada Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang menjadi komponen penting dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP). Industri sawit dijangka akan menyumbang RM 178 bilion kepada pendapatan negara daripada RM 80 bilion pada 2011, di samping menyediakan 10 000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020. Ini selaras dengan sasaran kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berpendapatan tinggi dengan pendapatan per kapita sebanyak RM 48 000. Semua sektor dalam industri sawit termasuk sektor pekebun kecil perlu memainkan peranan penting ke arah mencapai agenda ini.

Objektif pelaksanaan EPP4 (Projek Permulaan atau Entry-Point Project) adalah untuk meningkatkan kadar perahan minyak (OER) daripada 20.49% pada 2009 kepada 23% menjelang 2020 (Rajah 2). Bagi mencapai sasaran ini, lima strategi telah digariskan iaitu:

- i) Meningkatkan kualiti buah sawit di pintu kilang dengan bantuan Pegawai MPOB;
- ii) Menguatkuasakan penggredan ke atas buah sawit yang diterima berdasarkan Garis Panduan Penggredan Buah Sawit MPOB;

Bersambung ke muka surat 2

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak menyatakan sokongan MPOB.



Sidang Pengarang

PENASIHAT
Datuk Dr Choo Yuen May

PENGERUSI
Hj Ahmad Sidek Stroo

TIMBALAN PENERUSI
Hj Idris Omar

KETUA PENYUNTING
Hj Hamdan Abu Bakar

PENYUNTING
Hj Ahmad Tarmizi Mohammed
Hj Wahid Omar
Hj Suboh Ismail
Dr Siti Ramlah Ahmad Ali
Dr Ahmad Tarmizi Hashim
Ab Aziz Md Yusof
Hj Che Johari Mamat
M Ayatollah Khomeini Ab Rahman
Mazlan Mustaffa
Noor Asmawati Abd Samad

SETIAUSAHA
Nur Hanani Mansor

Sambungan dari muka surat 1

- iii) Kilang sawit dan peniaga buah sawit dimestikan melantik pengred yang kompeten dan diiktiraf oleh MPOB;
- iv) Harga buah sawit hendaklah dibayar mengikut kualiti buah yang diterima; dan
- v) Meningkatkan kecekapan proses pengilangan buah sawit.

Program EPP4 telah dilaksanakan sejak September 2010. Pada peringkat awal pelaksanaan, 100 Penolong Pegawai Penguatkuasa MPOB telah ditempatkan di kilang sawit dalam kategori A. Pemilihan kilang berdasarkan kepada tahap pencapaian OER dan penerimaan buah sawit. Bagi tujuan pengurusan, semua kilang telah dibahagikan kepada empat kategori iaitu A (kilang yang mencapai OER <20% dan menerima bekalan luar >50%); B1 (kilang-kilang FELDA sahaja); B2 (kilang yang mencapai OER ≥20% atau / dan menerima bekalan luar ≤50%); dan C (kilang yang menerima 100% bekalan sendiri).

Pencapaian OER pada 2011 adalah sebanyak 20.35% iaitu kurang 0.4% daripada sasaran se-

Bersambung ke muka surat 3



DARI MEJA

KETUA PENYUNTING

Pengeluaran minyak sawit mampan menjadi semakin penting pada masa kini berikutan peningkatan permintaan dunia terhadap produk mampan. Malaysia sebagai negara kedua terbesar pengeluar minyak sawit mahu atau tidak, perlu bertindak ke arah pengeluaran sawit mampan. Pelbagai usaha dijalankan oleh pihak kerajaan dan swasta untuk meningkatkan pengeluaran minyak sawit mampan bagi memenuhi keperluan semasa, memandangkan potensi untuk menambah keluasan tanaman agak terhad. Antara usaha untuk meningkatkan produktiviti adalah dengan penggunaan anak benih bermutu, pengurusan kebun mengikut amalan pertanian baik (GAP) dan penuaian berkualiti bagi mendapat kadar perahan minyak (OER) yang tinggi.

Pekebun kecil yang hendak menanam semula sawit tua atau mengusahakan tanaman baru sawit dinasihatkan supaya menggunakan anak benih yang diperoleh daripada sumber baka terpilih dan berkualiti daripada pengusaha nurseri yang diiktiraf oleh MPOB dan mempunyai sijil CoPN. Pemilihan baka bahan tanaman yang betul akan menjamin pencapaian produktiviti yang tinggi dan lestari sepanjang tempoh ekonomi sawit 25 tahun.

Satu lagi isu pengurusan ladang yang perlu diberi perhatian oleh pekebun kecil adalah menangani serangan penyakit reput pangkal batang (RPB) Ganoderma. Ia telah mula mengancam industri sawit di mana serangannya telah meningkat. Serangan penyakit ini dilihat serius kerana bukan sahaja menyerang pokok sawit tua, tetapi juga menyerang pokok sawit muda seawal dua tahun. Serangan Ganoderma pada kadar 31%-67% boleh mempengaruhi penghasilan buah antara 26%-45% dan menyebabkan kerugian berjuta ringgit.

Kaedah sanitasi dengan menghapuskan sisa tisu pokok sawit yang berpenyakit terbukti berkesan untuk mengawal penyakit Ganoderma merebak. Dalam Sudut Teknologi pada kali ini menerangkan kaedah mengawal penyakit Ganoderma secara kawalan biologi dengan menggunakan bakteria endofit.

Minyak adalah hasil utama yang diperoleh daripada buah sawit yang diproses di kilang. Lebih tinggi kadar perahan minyak bermakna lebih banyak minyak diperoleh. Salah satu matlamat EPP di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) sawit ialah untuk meningkatkan OER negara daripada 20.45% pada 2009 kepada 23% menjelang 2020. Oleh itu, se-


Bersambung ke muka surat 3

Sambungan dari muka surat 2

mua pemilik ladang dan pekebun kecil diminta supaya tidak menuai buah sawit muda kerana pemprosesan buah muda adalah faktor utama kejatuhan OER. Sila pastikan semua tandan yang dituai adalah tandan yang telah masak. Selain itu, semua buah sawit relai mesti dikutip dan dihantar ke kilang kerana ia mengandungi minyak yang tinggi.

Bagi membantu pekebun kecil, MPOB menempatkan pegawai TUNAS di seluruh negara. Mereka sentiasa bersedia memberikan khidmat nasihat dan bimbingan tunjuk ajar kepada pekebun kecil terutama mengenai pengurusan kebun sawit. Sehingga April 2012, sejumlah 33 pejabat TUNAS telah dibuka iaitu 22 di Semenanjung, enam di Sarawak dan lima di Sabah. Sebanyak tiga lagi pusat TUNAS akan dibangunkan menjelang akhir tahun 2012 iaitu di Seri Aman dan Samarahan, Sarawak dan Kota Marudu, Sabah. Pembukaan pejabat ini akan memberi kemudahan dan kebaikan kepada pekebun kecil untuk menerima perkhidmatan MPOB dengan lebih berkesan.

Sambungan dari muka surat 2



Rajah 2. Graf sasaran tahunan OER sehingga 2020.

benar. Walaupun tidak mencapai paras OER yang disasarkan, kajian keberkesanan ke atas 186 kilang yang telah ditempatkan pegawai MPOB menunjukkan terdapat peningkatan kadar OER bagi kilang kategori A khususnya di Semenanjung. Pelaksanaan program NKEA ini telah menunjukkan hasil yang positif. Sebanyak 97 kilang telah berjaya meningkatkan OER antara 0.19% hingga 0.73% bagi tempoh April hingga Disember 2011, berbanding tahun sebelumnya. Impak yang boleh dibanggakan adalah apabila 48 kilang telah mencapai peningkatan OER melebihi 19% iaitu antara 19.05% hingga 20.16%. Kesan peningkatan OER melebihi 0.6% dapat dilihat

di Johor, Perak, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Terengganu, Pahang dan Selangor.



Rajah 3a dan b. Pegawai MPOB yang ditempatkan di kilang sedang memantau kerja penggedan.

Sepanjang pelaksanaan EPP4 ini, salah satu faktor yang dikenal pasti dapat meningkatkan OER adalah melalui penguatkuasaan larangan penerimaan buah sawit muda di kilang sawit. Pegawai MPOB mula mengawal kemasukan buah sawit muda ini sejak Jun 2011 dengan memulangkannya kembali kepada pihak pembekal. Tindakan ini didapati kurang berkesan kerana ia kembali semula ke kilang yang sama atau dihantar ke kilang lain. Susulan itu, tindakan yang lebih tegas telah diambil dengan menahan buah sawit muda di kilang dan dilupuskan. Tindakan tegas ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan para pembekal kerana dikhuatiri buah sawit muda yang ditahan ini akan diproses oleh pengilang. Walau bagaimanapun, pengurusan MPOB telah mengambil tindakan memantau pelupusan ke atas buah sawit muda yang ditahan supaya tidak diambil kesempatan oleh pengilang.

Pihak MPOB akan sentiasa menghantar dan memandangkan serius akan penghantaran buah sawit muda ke kilang oleh pembekal dan pekebun kecil. Pekebun kecil disaran supaya menuai buah sawit yang telah masak sahaja untuk dihantar ke kilang dan mengutip buah sawit relai dalam usaha membantu meningkatkan OER negara.

Bagi tahun 2012 ini, MPOB menjangkakan peningkatan OER yang lebih baik dengan penambahan 55 pegawai baru yang akan ditempatkan di kilang FELDA. Kerjasama semua pihak amatlah dialu-alukan bagi menyalurkan maklumat kepada pengurusan MPOB sekiranya terdapat mana-mana pihak yang terlibat dalam urusan niaga buah sawit muda di pasaran.



Sumbangan:
Nor Hayati Muhammad
(ati@mpob.gov.my) dan
Mohamad Sairi Md. Juhudi
(msairi@mpob.gov.my)

SUDUT TEKNOLOGI

KAJIAN PENGGUNAAN BAKTERIA SEBAGAI AGEN KAWALAN BIOLOGI TERHADAP PENYAKIT *Ganoderma* SAWIT

Penyakit reput pangkal batang (RPB) merupakan ancaman besar kepada pokok sawit di Malaysia dan Indonesia. Penyakit ini disebabkan oleh kulat *Ganoderma* yang membawa kerugian kepada industri sawit di negara ini. Pelbagai kaedah telah digunakan bagi mengawal penyakit ini termasuk kawalan secara sanitasi, penggunaan racun kulat heksakonazol, kaedah surgeri dan kaedah timbunan tanah. Keberkesanan penggunaan kaedah kawalan penyakit RPB ini bergantung kepada ciri pertumbuhan kulat *Ganoderma* yang mempunyai beberapa peringkat tidak aktif termasuk miselia yang resisten, basidiospora, klamidospora dan pseudoskerotia. Kawalan secara biologi dipilih sebagai kaedah alternatif dalam mengawal penyakit *Ganoderma* pada pokok sawit.

Kawalan biologi

Kawalan biologi bermaksud penggunaan mikroorganisma seperti bakteria atau kulat sebagai agen untuk mengawal populasi organisma yang menyebabkan penyakit dan kerosakan kepada tanaman tertentu. Antara kelebihan menggunakan kaedah kawalan biologi dalam mengawal penyakit RPB pada pokok sawit adalah ia lebih berkesan, selamat digunakan untuk jangka masa panjang dan tiada kesan sampingan serta mesra alam.


Penggunaan bakteria sebagai agen kawalan biologi

Kajian menggunakan bakteria endofit sebagai agen kawalan biologi dalam merencat dan mengawal penyakit pada tanaman seperti pisang, tomato, koko dan lain-lain telah banyak dijalankan. Bagi pengawalan penyakit RPB pada pokok sawit, bakteria endofit juga digunakan

sebagai agen kawalan biologi dan hasil yang diperoleh amat memberangsangkan.

Secara umumnya, bakteria endofit merupakan organisma yang hidup di dalam tisu tumbuhan dan membiak tanpa menyebabkan sebarang kesan sampingan terhadap perumahannya. Sesetengah bakteria endofit juga dilaporkan berupaya membantu pertumbuhan dan memperbaiki tumbesaran sesuatu tanaman. Dalam kajian kawalan penyakit RPB dengan menggunakan bakteria endofit, bakteria ini berupaya merencatkan pertumbuhan kulat *Ganoderma* pada pokok sawit. Bacteria endofit bertindak sebagai penghalang di mana ia bersaing dengan kulat *Ganoderma* untuk mendapatkan sumber makanan dan penggunaan ruang yang terdapat dalam sistem pokok sawit yang diperlukan untuk pertumbuhannya.

Di Malaysia, terdapat beberapa kajian yang menggunakan bakteria endofit sebagai agen kawalan biologi terhadap penyakit RPB pada pokok sawit. MPOB telah berjaya menghasilkan bakteria endofit daripada akar pokok sawit. Hasil daripada kajian ini, terdapat sebanyak 12 spesies bakteria endofit yang dikenal pasti berpotensi merencatkan pertumbuhan kulat *Ganoderma boninense*. Antara bakteria endofit yang dikenalpasti adalah daripada genus *Agrobacterium*, *Burkholderia*, *Pseudomonas*, *Bacillus*, *Serratia*, *Staphylococcus corynebacterium*, *Clavibacter* dan *Klebsiella* (Rajah 1).



Agrobacterium radiobacter. *Corynebacterium agropyri*.




Pseudomonas putida.

Rajah 1. Contoh bakteria endofit yang dikenal pasti sebagai agen kawalan biologi terhadap penyakit RPB pada pokok sawit.

Bersambung ke muka surat 5

Sambungan dari muka surat 4

Hasil kajian MPOB mendapati bahawa bakteria endofit daripada genus *Pseudomonas* dan *Burkholderia* berupaya mengurangkan kejadian penyakit RPB apabila anak sawit diberi rawatan awal dengan agen kawalan biologi ini (Rajah 2). Pertumbuhan anak sawit didapati turut meningkat apabila rawatan menggunakan bakteria endofit ini diberikan (Rajah 3).



Rajah 2. Ujian dwi-kultur menunjukkan bakteria *Pseudomonas GanoEB1* berupaya merencatkan pertumbuhan miselia kulat *Ganoderma boninense*.

Kesimpulan

Kajian awal ke atas anak sawit di peringkat makmal menunjukkan penggunaan bakteria sebagai agen kawalan biologi terhadap penyakit RPB yang disebabkan oleh kulat *Ganoderma* pada pokok sawit amat berkesan. Kaedah ini dijangka sangat berpotensi untuk digunakan pada peringkat tapak semaian. Apabila anak benih ditanam di ladang, ia dijangka lebih tahan terhadap serangan penyakit *Ganoderma*.



Sumbangan:

Nasyaruddin Mohamad @ Nik Mohd
(nasyaruddin@mpob.gov.my) dan
Dr Idris Abu Seman (idris@mpob.gov.my)



Rajah 3. Anak sawit yang diinokulasi dengan kulat *Ganoderma boninense* yang dirawat dengan bakteria *Pseudomonas GanoEB1* (kiri) dan tidak dirawat (kanan).

Sudut Renungan

Daripada Abu Hurairah ra, Nabi SAW bersabda:
Allah tidak menurunkan suatu penyakit melainkan Allah menurunkan penyembuh untuknya.

(Riwayat Al-Bukhari)

Sumber: 300 hadis Bimbingan-Ke Arah Mencari Reda Allah oleh Zahazan Mohamed dan Ahmad Hasan Mohd Nazam. Telaga Biru Sdn Bhd, Cetakan 2007.

KENALILAH... SERBUK *Pseudomonas* GANOEB3

Di Malaysia, beberapa kejadian penyakit telah dilaporkan menyerang pokok sawit yang ditanam di ladang. Penyakit yang paling bahaya sekali ialah reput pangkal batang (RPB) yang disebabkan oleh sejenis kulat daripada genus *Ganoderma*. Bagi mengawal penyakit RPB ini, pihak MPOB telah berjaya membangunkan produk iaitu serbuk *Pseudomonas* GanoEB3 (Rajah 1).

GanoEB3 dapat dikurangkan sehingga 52%. Produk serbuk *Pseudomonas* GanoEB3 ini merupakan agen kawalan biologi terhadap penyakit *Ganoderma* yang boleh mencegah jangkitan dan penyebaran kejadian penyakit di ladang. Produk ini belum ada lagi di pasaran dan MPOB bersedia memindahkan teknologi ini kepada pihak industri yang berminat untuk dikomersialkan.



Rajah 1. Serbuk *Pseudomonas* GanoEB3.

Serbuk *Pseudomonas* GanoEB3 ini mengandungi bakteria endofit di mana bakteria ini mampu merencatkan pertumbuhan kulat *Ganoderma* yang menyebabkan penyakit RPB pada pokok sawit. Selain itu, penghasilan serbuk *Pseudomonas* GanoEB3 yang berkualiti tinggi ini mengandungi vermikulit yang merupakan salah satu bahan dalam formulasi serbuk *Pseudomonas* GanoEB3. Vermikulit berupaya memelihara dan mengekalkan kestabilan serta keberkesanan bakteria yang digunakan semasa tempoh penyimpanan. Selain itu juga, kelebihan serbuk *Pseudomonas* GanoEB3 ini adalah tahan lama iaitu sehingga 9 bulan walaupun disimpan pada suhu bilik (27 ± 2 C).

Serbuk *Pseudomonas* GanoEB3 yang dihasilkan ini telah terbukti keberkesananannya merencatkan pertumbuhan kulat *Ganoderma boninense* yang diuji sama ada di peringkat makmal dan juga di tapak semaian. Kadar jangkitan penyakit *Ganoderma* ke atas anak sawit yang dirawat dengan menggunakan serbuk *Pseudomonas*

Kesimpulannya, serbuk *Pseudomonas* GanoEB3 mempunyai beberapa kelebihan seperti dapat mengawal penyakit RPB pada pokok sawit secara berkesan mudah digunakan. Selain itu, produk ini juga lebih mudah disimpan serta dihasilkan menggunakan teknologi yang mesra alam.



Sumbangan:
Nasyaruddin Mohamad @ Nik Mohd
(nasyaruddin@mpob.gov.my) dan
Dr. Idris Abu Seman (idris@mpob.gov.my)

????????? **Kuiz Sawit** ??????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah RM 100 sekiranya berjaya menjawab lima soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya tiga penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat penyertaan

- Terbuka kepada semua pembaca *Warta Sawit* kecuali warga kerja dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Sila tulis jawapan sama ada dengan tulisan tangan atau komputer;
- Tarikh tutup penyertaan pada **30 September 2012**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas dan lengkap kepada:

Kuiz Warta Sawit
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
u/p: Che Nurul Syuhadah Che Kamarudin
Unit Pengembangan dan Latihan
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

1. Berapakah bilangan Projek Permulaan (EPP) daripada industri sawit di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) dan berapakah sasaran peningkatan Pendapatan Negara Kasar (GNI) dan peluang pekerjaan menjelang tahun 2020?
2. Bagaimanakah konsep perangkap lekat dalam mengawal ulat bungkus?
3. Berapakah bilangan perangkap lekat feromon asli yang perlu dipasang untuk keluasan 1 ha?
4. Apakah kebaikan baja bio-organik TKJ?
5. Senaraikan tiga amalan yang dilakukan oleh Peladang Jaya, Haji Samsudin Labandu bagi memastikan penghasilan buah tandan segar (BTS) yang berkualiti dan mendapat kadar perahan minyak yang tinggi?

***DAPATKAN JAWAPAN UNTUK SOALAN KUIZ BERDASARKAN ARTIKEL
DALAM WARTA SAWIT BIL. 49 (3)/SEPTEMBER-DISEMBER 2011.**



AISKRIM KULFI



Bahan

- 2 tin (400 g) susu isian sejat (berasaskan minyak sawit).
- ½ cawan susu isian pekat manis (berasaskan minyak sawit).
- 6 camca besar serbuk koko, dilarut dalam 1 cawan air panas.

Cara membuatnya:

1. Campur semua bahan ke dalam periuk.
2. Didihkan bahan di atas api yang perlahan sambil dikacau.
3. Apabila bahan telah pekat, angkat dan sejukkan.
4. Tuang ke dalam bekas berukuran 20 cm x 20 cm.
5. Sejukkan dalam peti beku (*freezer*) sehingga keras.
6. Potong dengan pisau.
7. Hidangkan di dalam gelas atau bekas yang sesuai dan sedia untuk dimakan.


PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar bahan sumbangan bagi Sudut Kreatif Sawit. Bahan sumbangan boleh meliputi resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar bersama keterangan yang lengkap. Pembaca juga hendaklah menyertakan nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Sumbangan yang terpilih dan tersiar dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB.

Sudut Kreatif Warta Sawit

Ibu pejabat MPOB, Peti surat 10620
50720 Kuala Lumpur
u.p: Anizah Othman

Unit Pengembangan dan Latihan,
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan



SEDUTAN AKHBAR

Tajuk : RM 400 000 ATASI SERANGAN ULAT BUNGKUS

Tarikh : Utusan Malaysia, 3 Februari 2012

Batu Pahat - Lebih RM 400 000 telah dibelanjakan untuk mengatasi serangan ulat bungkus terhadap tanaman sawit seluas 3100 ha milik kira-kira 300 petani di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Yong Peng, dekat sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Yong Peng, Lim Kee Moi berkata, serangan ulat menyebabkan pendapatan petani merosot sehingga 40% kerana buah sawit rosak dan tidak berkualiti.

Menurutnya, peruntukan itu digunakan untuk melakukan semburan bakteria menggunakan kapal terbang bagi membunuh ulat bungkus, selain memasang perangkap feromon asli dan menanam pokok yang mengandungi pemangsa untuk memakan ulat itu.

Tajuk : SEMUA INDUSTRI GUNA BIODIESEL MENJELANG 2014

Tarikh : Utusan Malaysia, 21 Februari 2012

Tanjung Karang - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan meningkatkan kandungan bahan berasaskan sawit dalam minyak biodiesel B5 daripada 5% kepada 10% untuk kegunaan sektor pengangkutan negara ini pada masa hadapan.

Menterinya, Tan Sri Bernard Dompok berkata, rancangan tersebut merupakan antara usaha kerajaan untuk memaksimumkan penggunaan bahan berasaskan sawit sebagai bahan bakar alternatif bagi mengurangkan dan menggantikan bahan api berasaskan petroleum.

Beliau berkata langkah itu selari dengan matlamat kementerian dalam meningkatkan industri sawit menerusi pengukuhan harga minyak berasaskan sumber itu termasuk mengurangkan kadar pelepasan gas rumah hijau demi menjamin persekitaran mesra alam.

Tajuk : MPOB WUJUD PEJABAT CAWANGAN DI KENINGAU

Tarikh : Utusan Borneo Sabah, 24 Februari 2012

Kota Kinabalu - Penduduk kawasan pendalaman Sabah kini semakin mudah untuk berurusan berkenaan industri sawit selepas MPOB menubuhkan pejabat cawangan di Keningau.

Majlis perasmian pejabat MPOB Keningau itu yang terletak bertentangan dengan bangunan Bank CIMB Keningau telah dirasmikan oleh Ahli Lembaga MPOB, Datuk Tan Yong Gee, baru-baru ini.

Tajuk : 80 PENDUDUK BELURAN TERIMA BANTUAN MPOB

Tarikh : Utusan Borneo Sabah, 8 Mac 2012

Seramai 80 pekebun kecil di Kampung Contoh Kuala Sapi yang terletak kira-kira 20 km dari pekan Beluran menerima bantuan Skim Tanam Semula dan Tanam Baru Sawit.

Skim di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi yang dilaksanakan oleh MPOB itu bertujuan meningkatkan pendapatan pekebun kecil sawit di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Bersambung ke muka surat 10

Sambungan dari muka surat 9

Tajuk : **MPOB TAWAR TEKNOLOGI PKS UNTUK KOMERSIAL**

Tarikh : **Utusan Borneo, 16 Mac 2012**

Kota Kinabalu - Lebih 30 teknologi berasaskan sawit hasil penyelidikan MPOB ditawarkan untuk pengkomersialan kepada usahawan syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sempena Seminar Pemindahan Teknologi (ToT) yang diadakan di sini baru-baru ini.

Seminar ToT bagi PKS itu merupakan yang julung kali diadakan di Sabah anjuran MPOB bagi memberi peluang dan pendedahan mengenai peluang perniagaan melalui pengkomersialan teknologi kepada usahawan di Sabah.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok semasa berucap merasmikan seminar itu berkata kementerian dan agensi di bawahnya akan memberi tumpuan khas untuk meningkatkan keupayaan usahawan PKS dalam meneroka peluang untuk mengembangkan perniagaan.

JAWAPAN KUIZ SAWIT BIL. 49 (3)/ SEPTEMBER-DISEMBER 2011

- Pilihan jawapan:
 - Integrasi foraj sorgum dengan sawit.
 - Baja bio organik.
 - Perangkap lekat untuk memerangkap ulat bungkus seperti *Metisa plana* di ladang sawit.
- Pilihan jawapan:
 - Kumbang belalai (*Cylas formicarius*) - racun yang mengandungi bahan aktif *Carbofuran* seperti *Furadan*.
 - Ulat pengorek batang (*Omphisa anastomosalis*) - racun yang mengandungi bahan aktif *Lambda cyhalothrin* seperti *Karate*.
 - Tikus - racun tikus seperti *Brodifacoum*.
- RM 6050.00/musim/ha.
- 400 ha.
- Pilihan jawapan:
 - Sentiasa menitikberatkan kebersihan kebun.
 - Sentiasa berinteraksi dengan pegawai TUNAS.
 - Sentiasa menitikberatkan pembajaan kebun mengikut syor yang ditetapkan.

Tahniah kepada pemenang untuk Kuiz Sawit Bil. 48/(2)/Mei-Ogos 2011 iaitu:

Cik Nor Anida Salleh

No. 28, FELCRA Nasaruddin Belia, 32600 Bota, Perak.




KOD AMALAN BAIK NURSERI SAWIT (CoPN) MPOB

Produktiviti sesebuah ladang sawit bergantung kepada banyak faktor dan perkara utama bermula dengan kualiti anak benih sawit yang digunakan. Pengeluaran benih sawit bergantung kepada pengurusan tapak semeian dan amalan baik yang diamalkan. Kod Amalan Baik Nurseri Sawit (CoPN) merupakan garis panduan kepada pengendali tapak semeian bagi menghasilkan anak benih sawit berkualiti tinggi, terutama dalam aktiviti pengurusan tapak semeian. Garis panduan ini meliputi semua aspek pengeluaran anak benih iaitu daripada biji benih sawit DXP, biji sawit cambah dan membesar menjadi anak benih sehingga tahap di mana anak benih sedia untuk ditanam.



Rajah 1. Contoh Sijil CoPN.



Rajah 2. Buku Garis Panduan CoP.

Tujuan Kod Amalan Baik MPOB ini adalah untuk menjamin kualiti dan keselamatan makanan serta kelestarian industri sawit. Ia juga memberi garis panduan bagi menjamin kualiti dan keselamatan makanan di semua rantaian bekalan minyak sawit. Selain daripada itu, piawaian yang ditetapkan hendaklah dilaksanakan kerana ia penting dan boleh mencapai kehendak kod untuk melindungi alam sekitar, tanggungjawab sosial dan keuntungan.

Sijil CoPN ini akan dikeluarkan oleh MPOB setelah diperiksa dan disahkan mematuhi segala kriteria yang ditetapkan oleh juruaudit bertauliah yang dilantik oleh MPOB bagi menilai kemampuan pengusaha tapak semeian mempraktikkan segala kriteria yang ditetapkan oleh CoPN.

Mulai 1 Julai 2012, semua pengusaha tapak semeian di Malaysia akan diwajibkan memiliki Sijil CoPN bagi membolehkan mereka memperbaharui lesen MPOB pada masa akan datang.

Prinsip dan Kriteria CoPN

Antara prinsip dan kriteria yang terdapat dalam piawaian CoPN adalah:

- i. Kebolehkesanan asal anak benih yang dihasilkan oleh pengeluar benih berlesen.
- ii. Mematuhi Akta MPOB serta segala peraturan yang berkaitan.
- iii. Biji benih cambah diperoleh dari sumber yang dilesenkan MPOB.
- iv. Pemilihan kawasan tapak semeian yang sesuai.
- v. Penyediaan kawasan yang sempurna.
- vi. Penggunaan medium pertumbuhan yang sesuai dan bebas daripada sampah.
- vii. Mempunyai sistem pengairan yang baik dan mencukupi.
- viii. Menyediakan stor yang sesuai untuk penyimpanan bahan kimia.
- ix. Pengurusan tapak semeian kecil meliputi semua amalan pertanian baik.
- x. Pengurusan tapak semeian besar juga meliputi semua amalan pertanian baik.
- xi. Mengamalkan kaedah kawalan perosak bersepadu (IPM).
- xii. Melakukan proses penakaian secara berkala.
- xiii. Proses penghantaran anak benih diladang hendaklah dijalankan dengan cermat.
- xiv. Bagi anak benih yang berumur 10 hingga 14 bulan pula, saiz polibeg yang digunakan ialah 37.5 cm x 45 cm dengan jarak susunan polibeg 0.9 m x 0.9 m x 0.9 m.
- xv. Bagi anak benih yang berumur kurang dari 10 bulan, saiz polibeg yang digunakan ialah 30 cm x 37.5 cm dengan jarak susunan polibeg 0.75 m x 0.75 m x 0.75 m, tetapi anak benih tersebut mesti dijual/ditanam sebelum mencapai 11 bulan.

Bersambung ke muka surat 23

IKLAN

MPOB mempelawa syarikat-syarikat yang berminat untuk mengiklankan perniagaan, produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor pekebun kecil sawit dalam *Warta Sawit*. Kos untuk pengiklanan bagi saiz A4 (halaman dalam berwarna) adalah RM 800 manakala saiz A4 (halaman belakang) adalah RM 1000. Diskaun 20% diberikan kepada syarikat yang membuat tempahan iklan untuk tiga keluaran berturut-turut. Semua cek adalah atas nama Ketua Pengarah MPOB. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Nur Hanani Mansor
(Tel: 03-8769 4257)
nurhanani@mpob.gov.my

atau

Che Nurul Syuhadah Che Kamarudin
(Tel: 03-8769 4650)
shuhadah@mpob.gov.my

Faks: 03-8925 9642

Tarikh akhir pesanan iklan dalam *Warta Sawit* adalah seperti berikut:

Bil.	Keluaran	Tarikh akhir tempahan dan penghantaran filem dan cek
50/2012	Jan Apr 2012	30 Mac 2012
51/2012	Mei O gos 2012	30 Nov 2012
52/2012	Sep D is 2012	31 Dis 2012

Slip Tempahan

Ketua Pengarah MPOB
6, Persiaran Institusi
Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor
U/P: Nur Hanani Mansor U nit Pengembangan dan Latihan
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

Syarikat kami berminat untuk menempah iklan dalam *Warta Sawit* MPOB. Sila tandakan (✓) dalam kotak berkenaan:

<input type="checkbox"/> Halaman dalam (warna)	<input type="checkbox"/> (satu keluaran) RM 800	<input type="checkbox"/> (tiga keluaran) RM 1920
<input type="checkbox"/> Kulit belakang (warna)	<input type="checkbox"/> RM 1000	<input type="checkbox"/> RM 2400

Nama Syarikat:	
Alamat:	No. Tel:
	No. Faks:
Nama Pegawai:	
E-mel:	<i>Warta Sawit</i> Bil:

Tandatangan

Tarikh

DIARI & PERISTIWA

JANUARI-APRIL 2012

Program	Tarikh	Tempat	Bil. Peserta
Taklimat Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK), Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) dan Skim Diskaun Cantas (SKIDIC)	9-11/1/2012	Tapah/Teluk Intan/Selama/Taiping/Manjung, Perak	188
	10-12/1/2012	Kulim/Selama/Bandar Baru/Kulim, Kedah	182
	11-13/1/2012	Jasin, Melaka /Port Dickson, Negeri Sembilan/ Sepang/Kuala Langat, Selangor	80 67
	16-18/1/2012	Kuala Selangor/Sg Besar, Selangor	88
	16-19/1/2012	Machang/Bachok/Tanah Merah, Kelantan	80
		Besut, Terengganu	29
	16-20/1/2012	Sempoerna/Lahad Datu, Sabah	156
	30/1/2012	Simpang Renggam, Johor	72
	31/1/2012	Rengit, Johor	22
	2-3/2/2012	Batang Padang/Kinta/Kuala Kangsar, Perak	128
	15-16/2/2012	Sg Petani/Dewan Komiditi Padang Terap, Kedah	93
	17/2/2012	Sg Asap, Belaga, Perak	76
	21/2/2012	Rompin/Pekan, Pahang	108
	22/2/2012	Temerloh/Jerantut, Pahang	123
	25/2/2012	Bintulu, Sarawak	20
	1/3/2012	Ladang Teran, Long Lama, Baram, Sarawak	22
		Ladang Genting Trushidup Sukau Kinabatangan, Sabah	65
	6/3/2012	Dewan Seminar Asrama Kompleks Sukan, Tawau, Sabah	40
	28/3/2012	Dewan Kg Mentu Tapu, Serian, Sarawak	42
Kursus Sehari untuk Agen Pengembangan	15-17/2/2012	Victoria Inn, Saratok, Sarawak	24
Kursus Sehari Sawit	28/2/2012	Dewan MCA Sri Jaya, Maran, Pahang	34
	29/2/2012	Dewan Anjung Mini, Kerayong, Bera, Pahang	43
	1/3/2012	Balai Adat, Kg Orang Asli Sungai Mai, Jerantut, Pahang	32
Program 1Malaysia	14/1/2012	Kg Orang Asli Redang Punggur, Teluk Intan, Perak	600
MOA Bersama Rakyat	6-8/1/2012	Dataran Sadiman Bukit Changgang, Banting, Selangor	53

PROFIL KOMODITI

JANUARI-APRIL 2012

Bagi tempoh masa empat bulan pertama (Januari-April) 2012, pengeluaran MSM direkodkan sebanyak 4.96 juta tan iaitu berkurangan sebanyak 2.8% berbanding 5.10 juta tan pada tempoh masa yang sama pada 2011 (*Jadual 1*). Pengurangan ini disebabkan oleh pengeluaran MSM yang lebih rendah direkodkan pada Mac dan April 2012 berbanding 2011.

Singapura 106% kepada 0.28 juta tan dan India 102% kepada 0.58 juta tan.

Namun begitu, nilai eksport minyak dan produk sawit pada Januari-April 2012 telah menunjukkan penyusutan berbanding tempoh masa yang sama pada 2011 iaitu masing-masing telah berkurangan sebanyak 3.0% dan 2.9%. Pengurangan dalam nilai eksport ini disebabkan oleh ke-

JADUAL 1. PENGELUARAN MSM (JANUARI-APRIL 2011/2012)

Wilayah	Januari		Februari		Mac		April		Jumlah		Beza (%)
	2011	2012	2011	2012	2011	2012	2011	2012	2011	2012	
Semenanjung	0.57	0.66	0.60	0.65	0.79	0.66	0.84	0.70	2.80	2.67	-4.6
Sabah	0.32	0.42	0.34	0.36	0.44	0.37	0.48	0.37	1.58	1.52	-3.8
Sarawak	0.16	0.21	0.16	0.18	0.19	0.18	0.21	0.20	0.72	0.77	6.9
Malaysia	1.05	1.29	1.10	1.19	1.42	1.21	1.53	1.27	5.10	4.96	-2.8

Sumber: MPOB.

Faktor utama pengurangan pengeluaran MSM pada Januari-April 2012 berbanding 2011 adalah disebabkan oleh pengurangan pengeluaran MSM yang ketara di wilayah Semenanjung dan Sabah iaitu masing-masing berkurang sebanyak 4.6% dan 3.8%. Hanya wilayah Sarawak sahaja yang menunjukkan jumlah pengeluaran MSM bagi tempoh masa Januari-April 2012 yang lebih tinggi berbanding tempoh masa yang sama pada 2011 iaitu meningkat sebanyak 6.9%.

Pada Januari-April 2012, jumlah eksport minyak sawit dan produk sawit telah mencatatkan prestasi yang lebih memberangsangkan berbanding tempoh masa yang sama pada 2011 (*Jadual 2*). Eksport minyak sawit telah meningkat kepada 5.27 juta tan atau peningkatan sebanyak 7.1% pada Januari-April 2012 berbanding Januari-April 2011. Manakala eksport produk sawit pada tempoh masa yang sama juga telah meningkat sebanyak 15.3% kepada 7.54 juta tan berbanding pada 2011. Pertumbuhan eksport yang positif ini disebabkan peningkatan permintaan yang tinggi di negara pengimport utama produk sawit Malaysia. Eksport minyak sawit ke Mesir telah meningkat sebanyak 115% kepada 0.34 juta tan,

jatuhan harga MSM dan isirung sawit di pasaran. Pada Januari-April 2012, purata harga MSM telah berkurangan kepada RM 3262 setan berbanding RM 3612 setan pada Januari-April 2011 iaitu berlaku penyusutan sebanyak 9.7%. Manakala harga isirung sawit pula telah menyusut sebanyak 33% bagi tempoh masa yang sama.

Walaupun jumlah pengeluaran MSM yang lebih rendah dan kadar pertumbuhan eksport yang lebih tinggi pada Januari-April 2012, namun didapati paras stok akhir pada Januari-April 2012 meningkat kepada 1.97 juta tan berbanding 1.55 juta tan pada Januari-April 2011. Paras stok yang meningkat ini disebabkan oleh jumlah import minyak sawit yang telah meningkat kepada 0.71 juta tan pada Januari-April 2012 berbanding hanya 0.55 juta tan pada Januari-April 2011. Hasil pengeluaran BTS pula telah menunjukkan penyusutan pada Januari-April 2012 berbanding 2011 iaitu menyusut sebanyak 7%. Sebaliknya, prestasi yang positif dicatatkan pada kadar perahan minyak sawit mentah, iaitu peningkatan sebanyak 2.1% kepada 20.27% bagi tempoh masa yang sama.

Jadual 3 menunjukkan pergerakan harga BTS pada Januari-April 2011/2012 mengikut wilayah.

Bersambung ke muka surat 15

Sambungan dari muka surat 14

JADUAL 2. PRESTASI INDUSTRI SAWIT MALAYSIA (JANUARI A PRIL 2011/2012)

Butiran	Januari-April		Beza (%)
	2011	2012	
Eksport minyak sawit (juta tan)	4.92	5.27	+ 7.1
Eksport produk sawit (juta tan)	6.54	7.54	+ 15.3
Nilai eksport minyak sawit (RM bilion)	17.66	17.13	- 3.0
Nilai eksport produk sawit (RM bilion)	23.9	23.21	- 2.9
Import minyak sawit (juta tan)	0.55	0.71	+ 29.1
Stok akhir (juta tan)	1.55	1.97	+ 27.1
Harga MSM (RM/t)	3 612	3 262	- 9.7
Harga isirung sawit (RM/t)	2 886	1 935	- 3.0
Hasil BTS (t/ha)	5.46	5.08	- 7.0
Kadar perahan minyak sawit mentah (%)	19.85	20.27	+ 2.1

Sumber: MPOB.

Secara keseluruhan, paras harga BTS pada Januari-April 2012 adalah lebih rendah sebanyak 14.6% berbanding tempoh masa yang sama pada 2011. Purata harga BTS di Semenanjung pada Januari-April 2012 adalah RM 672 setan iaitu menyusut sebanyak 14.3%

berbanding 2011. Manakala, di Sabah dan Sarawak harga BTS masing-masing telah menyusut kepada RM 659 setan dan RM 670 setan pada Januari-April 2012 berbanding RM 773 setan dan RM 785 setan pada Januari-April 2011.

JADUAL 3. PERGERAKAN HARGA BTS MENGIKUT WILAYAH (RM/t)*

Wilayah	Januari		Februari		Mac		April		Purata		Beza (%)
	2011	2012	2011	2012	2011	2012	2011	2012	2011	2012	
Semenanjung	826	655	837	636	752	677	722	720	784	672	-14.3
Sabah	820	643	822	620	742	664	707	708	773	659	-14.8
Sarawak	826	656	847	634	745	672	721	717	785	670	-14.7
Purata	824	651	835	630	746	671	717	715	781	667	-14.6

Nota: *Berdasarkan harga BTS pada gred B (Semenanjung = OER 19%, Sabah dan Sarawak = 21%).

Sumber: MPOB.



Sumbangan:
Ayatollah K. Ab Rahman
(ayat@mpob.gov.my)

Berita Bergambar



